

mengaitkannya dengan orang lain atau sesuatu yang lain selain Allah. Walaupun jauh di sudut hatinya dia masih beri'tiqad bahawa Allah jugalah yang mengurniakan semua itu kepadanya. Antara contoh kufur ni'mat ialah: (a) Menamakan anak-anak dengan nama yang mengandungi bayang-bayang kesyirikan. Seperti `Abdul Husain, `Abdur Rasul dan lain-lain. Bukankah Allah yang mengurniakan anak kepada kita. Kenapa pula kita mengatakan anak itu hamba Husain atau hamba Rasul. Seolah-olahnya Husain dan Rasul pula yang mengurniakan anak itu kepada kita! (b) Beria-ia benar atau bersungguh-bersungguh sangat mengaitkan kesembuhan dengan sesuatu ubat atau rawatan seseorang doktor. Padahal yang menyembuhkan adalah Allah. Ubat dan doktor itu tidak lebih daripada sebab sahaja. Itulah yang dimaksudkan oleh Allah melalui dua firmanNya di bawah ini:

يَعْرِفُونَ نِعْمَتَ اللَّهِ ثُمَّ يُنْكِرُونَهَا وَأَكْثَرُهُمُ الْكَافِرُونَ ۝

Bermaksud: Mereka mengetahui ni'mat Allah, kemudian tergamak mengingkarinya; kebanyakan mereka adalah orang-orang yang kufur ingkar. (An-Nahl:83).

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ ءَامِنَةً مُطْمَئِنَّةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا مِنْ كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِأَنْعُمِ اللَّهِ فَأَذَاقَهَا اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ

وَالْخَوْفِ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ ۝

Bermaksud: dan Allah telah membuat suatu perumpamaan (dengan) sebuah negeri yang dahulunya aman lagi tenteram, rezkinya datang kepadanya melimpah ruah dari segenap tempat, tetapi penduduknya mengingkari ni'mat-ni'mat Allah itu, maka Allah merasakan kepada mereka pakaian kelaparan dan ketakutan, disebabkan apa yang telah mereka lakukan. (An-Nahl:112). (2) Bersumpah atas nama orang lain atau sesuatu yang lain selain Allah. Kerana Rasulullah s.a.w. telah bersabda: مَنْ خَلَفَ بِغَيْرِ اللَّهِ فَقَدْ كَفَرَ أَوْ أَشْرَكَ Bermaksud: Sesiapa bersumpah bukan dengan nama Allah, sesungguhnya dia telah kufur atau syirik. (Ahmad, Tirmizi, Abu Daud at-Thayaalisi, Abu Ya'la, at-Tabaraani, al-Baihaqi, al-Haakim, Abu `Awaanah dan lain-lain.). (3) Memerangi orang Islam. Rasulullah s.a.w. bersabda: سَبَابُ الْمُسْلِمِ سَبَابُ الْكُفْرِ Bermaksud: Memaki orang Islam adalah kefasikan dan memerangnya adalah kekufuran. (Bukhari, Muslim, Ahmad, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Majah, Baihaqi, at-Tabaraani dan lain-lain). (4) Mencaci dan memburukkan keturunan seseorang dan meratapi orang yang telah mati. Rasulullah s.a.w.: اثْنَتَانِ فِي النَّاسِ هُمَا كُفْرُ الطَّغْنِ فِي الْأَنْسَابِ وَالنِّيَاحَةِ عَلَى الْمَيِّتِ Bermaksud: Dua sifat ada pada orang ramai. Ia menyebabkan mereka kufur. (Pertama) Mencaci dan memburukkan keturunan orang. (Kedua) Meratapi orang mati. (Muslim, Ahmad, Abu `Awaanah dan Ibnu Mandah). (5) Mengaitkan diri dengan bukan ayah sendiri atau tidak mengakui keturunan sendiri yang sebenar. Rasulullah s.a.w. bersabda: لَا تَرْغَبُوا عَنْ آبَائِكُمْ فَمَنْ رَغِبَ لَا تَرْغَبُوا عَنْ آبَائِكُمْ فَمَنْ رَغِبَ عَنْ أَبِيهِ فَهُوَ كُفْرٌ Bermaksud: Jangan kamu benci kepada keturunanmu. (Sikap) Orang yang tidak suka kepada ayahnya itu adalah suatu kekufuran. (Bukhari, Muslim, Ahmad dan Abu `Awaanah). **Pendapat Pelbagai Aliran Agama (Firqah) Tentang Iman.** Iman menurut Murji'ah tidak lebih daripada nama kepada membenarkan agama Islam dengan hati (تصديق بالجان) semata-mata. Pengakuan dengan lidah (إقرار باللسان) dan عمل بالأركان (melakukan suruhan agama dengan anggota badan) bagi mereka bukan syarat dan bukan juga juzu' iman. Cogan kata mereka ialah لا تضر مع الإيمان معصية كما لا تنفع الطاعة مع الكفر (Tidak mengapa melakukan ma'shiat kalau beriman. Tidak berguna keta'atan kalau ia dilakukan dalam kekufuran). إن المؤمن وإن عصى لا يدخل النار (Sesungguhnya orang mu'min tidak akan masuk neraka walaupun ia melakukan ma'shiat). **Firqah Karraamiyyah** berpendapat, iman hanya nama kepada إقرار باللسان atau pengakuan dengan lidah sahaja. Mengaku kebenaran agama Islam dengan lidah sahaja

sudah memadai untuk seseorang manusia selamat. Sama ada ia disertai تصديق iaitu membenarkan agama Islam dengan hati atau tidak. Firqah (aliran) Jahmiyyah pula berpendapat, iman adalah nama kepada ilmu dan pengetahuan (معرفة) tentang agama Islam. Apabila seseorang mengetahui Islam adalah benar dan ia adalah agama Allah, itu bererti mereka sudah pun beriman. Iman mereka bahkan sudah sempurna! Padahal firman Allah di dalam Surah al-Baqarah ini jelas menolak pendapat mereka:

وَلَمَّا جَاءَهُمْ كِتَابٌ مِّنْ عِندِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ وَكَانُوا مِن قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا

بِهِ فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ ﴿٨٩﴾

Bermaksud: dan ketika datang kepada mereka sebuah Kitab dari Allah (Al Quran), yang mengesahkan apa yang ada pada mereka (Kitab Taurat), sedang mereka sebelum itu sentiasa memohon (kepada Allah) kemenangan atas kaum kafir musyrik (dengan kedatangan seorang Nabi pembawa kitab itu). Setelah datang kepada mereka apa yang telah mereka ketahui (kebenarannya iaitu Nabi Muhammad s.a.w. dan Al Quran), mereka mengingkarinya; maka (dengan yang demikian), laknat Allah menimpa orang-orang yang kafir ingkar itu. (al-Baqarah:89). **Golongan Khawarij berpendapat**, iman adalah gabungan tiga rukun berikut: التصديق بالجنان (menerima atau membenarkan dengan hati), العمل بالأركان (melakukan suruhan agama dengan anggota badan) dan الإقرار باللسان (mengaku dengan lidah). Oleh kerana mereka menganggap العمل بالأركان sebagai juzu' hakiki (komponen sebenar) dan asas iman yang tidak dapat dipisahkan, mereka menghukum kafir terhadap orang yang meninggalkannya. Orang yang melakukan dosa besar bahkan akan kekal di dalam neraka menurut mereka. **Golongan Mu'tazilah juga** mempercayai iman adalah gabungan tiga rukun tersebut, tetapi seseorang yang tidak mengamalkan amalan agama, tidaklah sampai menjadi kafir. Ia bagaimanapun telah terkeluar dari sempadan iman. Kedudukan orang-orang yang tidak mengamalkan perintah agama bagi mereka adalah di antara sempadan iman dan sempadan kekufuran (منزلة بين المنزلتين). **Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah tidak** menganggap orang yang tidak mengamalkan suruhan Allah dan RasulNya atau melanggar perintah Allah dan RasulNya sebagai kafir atau terkeluar daripada sempadan iman dan sempadan kekufuran, selagi mereka mempercayai kebenaran perintah Allah dan Rasul itu di samping tidak menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah dan tidak pula mengharamkan apa yang dihalalkanNya. Mereka bahkan dianggap sebagai mu'min yang fasiq. Seorang fasiq masih lagi seorang mu'min pada pandangan Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah, cuma iman mereka tidak sempurna. **Golongan Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah** terbahagi kepada dua kumpulan dalam menentukan kombinasi tiga bahagian iman yang tersebut tadi. **Jumhur muhadditsin, jumhur fuqaha'**, Malik, Syafi'e, Sufyan ats-Tsauri, Ahmad, al-Humaidi, Bukhari dan lain-lain tokoh salaf berpendapat, iman terbentuk daripada tiga perkara di atas itu juga. Cuma orang yang tidak beramal tidak menjadi kafir dan ia masih lagi dikira sebagai mu'min. Tetapi mu'min yang fasiq. Ia mungkin akan masuk neraka kerana kecuaiannya dalam melaksanakan amalan-amalan tertentu, tetapi tetap tidak akan kekal di dalamnya. Perbezaan di antara mereka ini dengan golongan Khawarij dan Mu'tazilah ialah mereka tidak menganggap juzu' (komponen) kedua dan ketiga iaitu الإقرار باللسان (mengaku dengan lidah) dan العمل بالأركان (melakukan suruhan agama dengan anggota badan) sebagai juzu' (komponen) yang sama tinggi kedudukannya dengan juzu' (komponen) pertama iman iaitu membenarkan dengan hati (التصديق بالقلب). Kerana itulah orang bisu yang tidak dapat membuat pengakuan dengan lidah dianggap sebagai mu'min dan orang yang tidak mengamalkan perintah Allah atau melanggar perintahNya juga dianggap mu'min oleh mereka.

berlakulah pengulangan ma'thuf yang sia-sia. Padahal qaedah Nahu menyebutkan العطف يقتضي المغايرة (athaf memberi erti hakikat ma'thuf dan ma'thuf 'alaih adalah berbeza dan berlainan). (5) Firman Allah di dalam al-Qur'an menegaskan iman boleh berada bersama perbuatan yang bukan merupakan amal saleh atau lawan amal saleh. Lihat firmanNya ini: وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا Bermaksud: dan kalau ada dua golongan dari mereka yang beriman itu berperang, (al-Hujuraat:9). Sedangkan logik menghukum bahawa sesuatu tidak boleh berada bersama lawan juzu'nya. Tetapi jelas tersebut di dalam ayat di atas bahawa iman boleh berada bersama lawan amal saleh iaitu berperang. Maka dengan sendirinya ia menunjukkan amal bukan juzu' (sebahagian daripada) iman. (6) Iman merupakan syarat untuk sahnya sesuatu amal saleh. Hakikat ini dapat dilihat di dalam dua firman Allah berikut ini sebagai contohnya:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَا كُفْرَانَ لِسَعْيِهِ وَإِنَّا لَهُ كَاتِبُونَ

Bermaksud: Sesiapa yang mengerjakan sesuatu amal kebaikan, sedang ia beriman, tidaklah disia-siakan (amal) usahanya itu; dan sesungguhnya Kami tetap menulisnya. (al-Ambiyaa':94).

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَصْلِحُوا ذَاتَ بَيْنِكُمْ وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

Bermaksud: bertaqwalah kamu kepada Allah dan perbaikilah perhubungan di antara sesamamu; dan taatlah kepada Allah dan RasulNya, jika benar kamu orang-orang yang beriman. (al-Anfaal:1). Sedia dima'lumi bahawa syarat sesuatu bukan sebahagian daripada hakikatnya (شرط الشيء يكون خارجا عن ماهيته). (7) Setiap kali hendak menyuruh hamba-hambaNya mengerjakan sesuatu amal keta'atan, Allah akan menyeru mereka dengan sifat iman. Lihatlah misalnya Allah berfirman: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا (wahai orang-orang yang beriman) di permulaan ayat-ayat yang memerintahkan hamba-hambaNya bersembahyang, berpuasa, berwudhu' dan sebagainya. Ini jelas menunjukkan amalan itu sendiri tidak termasuk dalam mafhum iman. Kalau tidak, apakah ertinya memerintah atau menyuruh supaya beramal secara berasingan setelah mereka disifatkan dengan beriman?! (8) Di dalam hadits Jibril tersebut pertanyaannya: ان تؤمن بالله (apa itu iman?). Bukankah jawapan Rasulullah s.a.w. kepadanya ialah: “ان تؤمن بالله وملائكته وكتبه ورسله واليوم الآخر وتؤمن بالقدر خيره وشره (Engkau percaya kepada Allah, para malaikatNya, kitab-kitabNya, para rasulNya dan hari kemudian, di samping engkau percaya juga kepada taqdir (ketentuan Allah), baik dan buruknya.” Apa yang terkandung di dalam jawapan ini semuanya berkaitan dengan kepercayaan yang merupakan perbuatan hati semata-mata. Tidak ada satu pun daripadanya yang berkait dengan amal atau perbuatan anggota badan. (9) Menerusi ayat berikut Allah memerintahkan orang-orang mu'min supaya bertaubat:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا تَوْبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat yang semurni-murninya. (at-Tahrim:8). Ia secara tidak langsung menunjukkan iman dan ma'shiat dapat berkumpul bersama. Kerana tidak ada ertinya perintah bertaubat, sekiranya orang-orang mu'min itu tidak ada langsung melakukan ma'shiat. Hakikat ma'shiat ialah melakukan sesuatu perkara bercanggah dengan ketentuan agama. Dengan itu iman boleh ada, walaupun tidak ada amal yang baik bersamanya. Secara tidak langsung ia membuktikan amal bukan juzu' (bahagian yang tidak dapat dipisahkan daripada) iman. (10) Rasulullah s.a.w. pernah mengesahkan iman seorang hamba wanita dengan adanya tashdiq (membenarkan dengan hati sebagai komponen utama iman) dan iqrar (mengaku dengan lidah sebagai komponen keduanya) sahaja tanpa ada juzu' (komponen) ketiganya iaitu amal dengan anggota badan. Lihat haditsnya: ان رجلا من الأنصار جاء إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم بجارية له سوداء فقال يا رسول الله

عَلَى رَقِبة مُؤمنة أَفَاعَتْقَ هَذِهِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَشْهَدِينَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ قَالَتْ نَعَمْ قَالَ أَتَشْهَدِينَ أَنْ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ قَالَتْ نَعَمْ قَالَ أَتُؤْمِنِينَ بِالْأَنْعُثِ بَعْدَ الْمَوْتِ قَالَتْ نَعَمْ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاعْتَقَهَا

Bermaksud: Sesungguhnya ada seorang lelaki Anshaar datang menemui Rasulullah s.a.w. sambil membawa bersamanya seorang hamba perempuan yang hitam (warna kulitnya). Lelaki itu bertanya: "Wahai Rasulallah! Saya kena merdekakan seorang hamba yang beriman. Bolehkah saya memerdekakan dia ini?" Rasulullah s.a.w. lantas bertanya: "Adakah engkau bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah?" Jawab hamba perempuan itu, "Ya." Rasulullah s.a.w. terus bertanya. "Adakah engkau bersaksi bahawa Muhammad adalah pesuruh Allah?" Jawab perempuan itu, "Ya." Rasulullah s.a.w. seterusnya bertanya: "Adakah engkau percaya kepada kebangkitan sesudah mati?" Jawab perempuan itu, "Ya." Maka Baginda s.a.w. bersabda: "Merdekakanlah dia." (Malik di dalam Muwatha'nya, Ahmad, 'Abdur Razzaaq, Ibnu al-Jaarud, at-Thabaraani dan lain-lain). Hadits ini jelas menunjukkan amal bukanlah komponen yang tidak dapat dipisahkan sama sekali dari iman. Kerana itulah Rasulullah s.a.w. langsung tidak bertanya tentangnya. **Mu'tazilah, Asya'irah, muhadditsin, Syafi'e**, Ahmad, Bukhari dan ramai lagi tokoh 'ulama' berpendapat, iman boleh bertambah dan berkurang. Demi mengelak daripada menyerupai fahaman Khawarij, Imam Malik teragak-agak dalam menerima iman juga boleh berkurang. Demikianlah tersebut di dalam Hasyiah Faidhu al-Baari. Imam Ibnu al-Mubaarak juga sependapat dengan Malik dalam masalah ini. Imam Abu Hanifah, tokoh-tokoh 'ulama' pendokong mazhabnya, Imam al-Haramain dan ramai lagi tokoh-tokoh yang lain berpendapat, iman tidak bertambah dan tidak berkurang. Perbezaan pendapat dalam masalah ini sebenarnya berpunca daripada perbezaan pendapat mereka tentang iman itu sendiri, adakah ia murakkab (terbentuk daripada beberapa juzu' atau komponen) atau basith (tunggal tidak berjuzu')? Adakah amal merupakan juzu' iman atau tidak? Orang-orang yang berpendapat iman itu murakkab dan amal adalah salah satu juzu' daripada tiga juzu' iman seperti telah disebutkan sebelum ini, mengatakan iman bertambah dan berkurang. Orang-orang yang berpendapat iman itu basith dan amal bukan juzu' iman pula mengatakan iman tidak bertambah dan tidak berkurang. Pada hakikatnya kedua-dua golongan di atas berbeza hanya dalam pendekatan dan pada lafaz sahaja. Sebabnya ialah kalau golongan pertama ditanya, bukankah semua juzu' (mukawwin) bagi hakikat sesuatu itu sama kedudukannya? Kalau sama, kenapa kamu mengatakan jika tashdiq (membenarkan di dalam hati) tiada, maka tiadalah iman. Seseorang yang tidak bertashdiq kafir. Sepatutnya kamu juga mengatakan orang yang tidak beramal kafir seperti orang yang tidak bertashdiq. Kenapa kamu hanya mengatakan fasiq kepada orang yang tidak beramal?? Jawab mereka, amal sebenarnya bukan juzu' asasi dan hakiki iman, sehingga boleh dikatakan iman yang murakkab dan merupakan kull itu akan terus lenyap apabila tidak ada amal. Amal hanya juzu' 'urfi (menurut istilah golongan tertentu sahaja) dan juzu' mukammil (penyempurna) bagi iman. Apabila ia ada, iman akan bertambah sempurna. Apabila ia tiada pula, akan berkurangnya kesempurnaan iman. Golongan kedua walaupun tidak menganggap amal juzu' hakiki iman, mereka tidaklah seperti golongan Murji'ah yang langsung tidak mementingkan amal dalam kehidupan beragama. Mereka bahkan sangat mengambil berat tentang amalan dan menganggapnya sebagai sebab yang menyempurnakan iman juga. Dengan itu jelaslah bahawa golongan kedua tidak menolak amal sebagai juzu' penyempurna (mukammil) yang diterima oleh golongan pertama. Sikap golongan kedua yang tidak menerima amal sebagai juzu' hakiki atau juzu' mukawwin (komponen yang membentuk hakikat) iman juga sebenarnya tidak bercanggah dengan pegangan golongan pertama. Dengan itu juga perbezaan pendapat tentang amal sebagai juzu' iman atau tidak pada hakikatnya tidak lebih daripada perbezaan lafzi jua. Maka perbezaan kedua golongan di atas tentang iman itu bertambah dan berkurang atau tidak juga sebetulnya termasuk dalam

perbezaan lafzi jua, tidak lebih dari itu. **Latar belakang semasa merupakan** salah satu faktor penting yang melahirkan perbezaan pendapat di antara golongan pertama dan kedua yang tersebut tadi. **Kewujudan gelombang Murji'ah** telah mendorong golongan pertama bertegas mengatakan 'amal bil arkaan sebagai juzu' iman. Walaupun pada hakikatnya 'amal bil arkaan itu di sisi mereka tidak lebih daripada juzu' penyempurna atau juzu' mukammil sahaja. Ini kerana golongan Murji'ah percaya amal sama ada baik atau buruk tidak memberi apa-apa kesan kepada iman seseorang. Menerima agama Islam sebagai agama yang benar di dalam hati sahaja sudah memadai untuk dianggap seseorang itu mu'min yang pasti akan masuk syurga. Walaupun ia tidak pernah melakukan apa-apa kebaikan dalam kehidupannya. Penerimaan agama sekadar itu cuma, sudah memadai untuk menghalang seseorang masuk neraka, walaupun di sepanjang hayat ia hanya melakukan kejahatan dan dosa. **Golongan kedua pula menghadapi** gelombang puak Khawarij dan Mu'tazilah yang percaya bahawa seseorang akan terus menjadi kafir atau terkeluar dari batas iman sebaik sahaja ia tidak melakukan apa-apa suruhan agama yang wajib atau melanggar apa-apa perintah dan larangan agama yang menyebabkan pelakunya berdosa besar. Ini kerana dalam asas kepercayaan mereka, amal adalah juzu' asasi dan juzu' mukawwin (komponen yang membentuk hakikat) iman sama seperti tashdiq. Latar belakang inilah yang mendorong golongan kedua menafikan amal bil arkaan sebagai juzu' iman. **Oleh kerana golongan kedua menafikan** amal bil arkaan sebagai salah satu juzu' iman seperti golongan Murji'ah, mereka kadang-kadang dituduh Murji'ah. Padahal Murji'ah menafikan kedua-dua bentuk juzu' mukawwin dan mukammil. Golongan kedua pula hanya menafikan amal bil arkaan sebagai juzu' mukawwin sahaja. Mereka tidak pernah menafikannya sebagai juzu' mukammil. Inilah sebenarnya perkara yang menjadi punca kepada tuduhan melulu seperti itu. Puncanya ialah kejahilan tentang perbezaan di antara **juzu' mukawwin dan juzu' mukammil**. Kalaulah semata-mata menyerupai sesuatu golongan yang menyeleweng pada pandangan sepintas lalu, membolehkan anda mengaitkan sesuatu aliran yang benar dengan golongan yang menyeleweng itu, niscaya boleh juga anda kaitkan aliran pertama dengan aliran Khawarij dan Mu'tazilah. Kerana bukankah dua golongan yang menyeleweng itu juga mempercayai iman murakkab? membenarkan dengan hati, mengaku dengan lidah dan mengamalkan segala titah perintah Allah dan rasulNya adalah tiga komponennya?? Kenapa tidak pula golongan pertama dikaitkan dengan dua golongan yang menyeleweng itu??? Jika jawapannya ialah keserupaan yang kelihatan kepadamu itu adalah akibat pandangan sepintas lalu, maka begitulah juga dengan golongan kedua. Sebabnya golongan pertama tidak boleh dikaitkan dengan Khawarij dan Mu'tazilah ialah kerana mereka tidak menganggap amal bil arkaan sebagai juzu' mukawwin iman seperti dua aliran yang menyeleweng itu. Mereka hanya menganggapnya juzu' mukammil atau mutammim semata-mata. **Tuduhan terhadap golongan kedua** sebagai Murji'ah agak meluas di suatu ketika dahulu sehingga asy-Shahristaani di dalam kitabnya al-Milal wa an-Nihal membahagikan Murji'ah kepada dua puak. **Pertama:** Murji'ah ahli bid'ah. Mereka ini langsung tidak memandang penting terhadap sebarang amalan dalam kehidupan beragama. **Kedua:** Murji'ah Ahli as-Sunnah. Mereka ini meskipun tidak menganggap amal bil arkaan sebagai juzu' iman, tetapi sangat mengambil berat tentangnya. Selain sangat kuat beramal, mereka juga merupakan pengikut Sunnah yang setia. Daripada keterangan asy-Shahristaani itu dapat disimpulkan golongan kedua tadi kalau pun telah dipanggil sebagai Murji'ah, ia bukanlah Murji'ah yang sesat tetapi termasuk dalam Murji'ah Ahli as-Sunnah yang sangat mengambil berat tentang amalan dan sangat kuat beramal mengikut Sunnah Rasulullah s.a.w. **Satu lagi sebab kenapa Imam Abu Hanifah** yang merupakan salah seorang tokoh penting dari golongan kedua dikatakan Murji'ah ialah kerana adanya seorang tokoh Murji'ah yang bernama Nu'man. Dia

juga telah memakai kunyah yang sama dengan Imam Abu Hanifah. Masyarakat kemudian terkeliru. Mereka menyangka Abu Hanifah Nu'man tokoh Murji'ah itu Imam Abu Hanifah Nu'man bin Tsabit. Padahal dia adalah seorang yang lain. Oleh itu tidak wajar sama sekali mengaitkan golongan kedua dari kalangan Ahli as-Sunnah dengan golongan Murji'ah yang sesat. **Tinggal lagi satu kemusykilan** yang perlu diselesaikan oleh golongan Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah yang kedua iaitu bagaimana dengan ayat-ayat, hadits-hadits dan atsar-atsar yang dengan jelas menunjukkan iman itu memang bertambah dan berkurang? Berikut ialah sebahagian daripada ayat-ayat berkenaan dan perhatikanlah perkataan-perkataan yang bergaris di bawahnya:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢٠٦﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang beriman (yang sempurna imannya) ialah mereka yang bila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gemetarlah hati mereka; dan apabila dibacakan ayat-ayatNya bertambahlah iman mereka (kerananya), dan hanya kepada Tuhanlah mereka bertawakkal. (al-Anfaal:2).

الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ ﴿٢٠٧﴾

Bermaksud: mereka ialah yang diberitahu oleh orang-orang (pembawa berita): “Bahawa kaum (kafir musyrik) telah mengumpulkan pasukan untuk memerangi kamu, oleh itu hendaklah kamu gerun kepadanya.” Maka berita itu makin menambahkan iman mereka dan mereka menjawab: “Cukuplah Allah menjadi penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik pelindung.” (Aali Imraan:173).

وَإِذَا مَا أُنزِلَتْ سُورَةٌ فَمِنْهُمْ مَّن يَقُولُ أَيُّكُمْ زَادَتْهُ هَذِهِ إِيمَانًا فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا فَرَأَدَتَّهُمْ إِيمَانًا وَهُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿٢٠٨﴾

Bermaksud: dan apabila diturunkan sesuatu surah (dari al-Qur'an), maka di antara mereka (yang munafik) ada yang bertanya (secara mengejek): “Siapakah di antara kamu yang imannya bertambah disebabkan oleh surah ini?” Adapun orang-orang yang beriman, maka surah itu menambahkan iman mereka, dan mereka berasa gembira (dengan turunnya). (at-Taubah:124).

وَمَا جَعَلْنَا النَّارَ إِلَّا مَلَكُوتًا وَمَا جَعَلْنَا عِدَّتَهُمْ إِلَّا فِتْنَةً لِلَّذِينَ كَفَرُوا لِيَسْتَيْقِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَيَزِدَّادَ الَّذِينَ آمَنُوا إِيمَانًا وَلَا يَرْتَابَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَالْمُؤْمِنُونَ وَلِيَقُولَ الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ وَالْكَافِرُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا كَذَلِكُ يُضِلُّ اللَّهُ مَن يَشَاءُ وَيَهْدِي مَن يَشَاءُ وَمَا يَعْلَمُ خُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ وَمَا هِيَ إِلَّا ذِكْرَىٰ لِلنَّاسِ ﴿٢٠٩﴾

Bermaksud: dan tiada Kami jadikan penjaga neraka itu melainkan dari Malaikat dan tidaklah Kami menjadikan bilangan mereka itu melainkan untuk jadi cobaan bagi orang-orang kafir, supaya orang-orang yang diberi al-Kitab menjadi yakin dan supaya orang yang beriman bertambah imannya dan supaya orang-orang yang diberi al-Kitab dan orang-orang mu'min itu tidak ragu-ragu dan supaya orang-orang yang di dalam hatinya ada penyakit dan orang-orang kafir (mengatakan): “Apakah yang dikehendaki Allah dengan bilangan ini sebagai suatu perumpamaan?” Demikianlah Allah membiarkan sesat orang-orang yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) dan memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya). Dan tidak ada yang mengetahui tentera Tuhanmu melainkan Dia sendiri. Dan Saqar itu tiada lain hanyalah peringatan bagi manusia. (al-Muddatstsir:31).

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوا إِيمَانًا مَّعَ إِيمَانِهِمْ وَلِلَّهِ خُودُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٢١٠﴾

Bermaksud: Dialah yang telah menurunkan ketenangan ke dalam hati orang-orang mu'min supaya iman mereka bertambah di samping iman mereka (yang sedia ada). Kepunyaan Allah jua tentera langit dan bumi; dan adalah Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana. (al-Fath:4).

وَلَمَّا رَأَى الْمُؤْمِنُونَ الْأَحْزَابَ قَالُوا هَذَا مَا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَصَدَقَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَمَا زَادَهُمْ إِلَّا إِيمَانًا وَتَسْلِيمًا ﴿١٠﴾

Bermaksud: dan tatkala orang-orang mu'min melihat golongan-golongan yang bersekutu itu, mereka berkata: "Inilah yang dijanjikan Allah dan Rasul-Nya kepada kita dan benarlah Allah dan RasulNya. dan (angkatan tentera musuh yang mereka lihat) itu tidaklah menambah kepada mereka kecuali iman dan ketundukan (penyerahan diri mereka bulat-bulat kepada Allah). (al-Ahzaab:22).

Perhatikan pula hadiths-hadiths di bawah ini, betapa ia menyatakan dengan terang tentang iman itu adakalanya bertambah dan adakalanya berkurang: أَكْمَلَ النَّاسُ إِيمَانًا أَحْسَنَهُمْ خَلْقًا Bermaksud: Orang yang paling sempurna imannya ialah yang terbaik akhlaqnya. (Abu Ya'la, al-Bazzaar dan Ishaq bin Rahawaih di dalam Musnad masing-masing, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain). يُخْرَجُ مِنَ النَّارِ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنَ الْإِيمَانِ Bermaksud: akan dikeluarkan dari neraka orang yang ada di dalam hatinya seberat zarrah iman. (Tirmizi, Nasaa'i, Ahmad dan lain-lain). يَدْخُلُ أَهْلُ الْجَنَّةِ الْجَنَّةَ وَأَهْلُ النَّارِ النَّارَ ثُمَّ يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى أَخْرَجُوا مِنَ النَّارِ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ حَبَّةٍ مِنْ خُرْدٍ مِنْ إِيمَانٍ فَيُخْرَجُونَ مِنْهَا قَدْ اسْوَدُّوا فَيَلْقَوْنَ فِي نَهْرِ الْحَيَاةِ أَوْ الْحَيَاةِ - شَكَ مَالِكٌ - فَيَنْبَثُونَ كَمَا تَنْبُثُ الْحَبَّةُ فِي جَانِبِ السَّيْلِ أَلَمْ تَرَ أَنَّهَا تَخْرُجُ صَفْرَاءَ مُلْتَوِيَةً Bermaksud: Ahli syurga akan masuk ke dalam syurga dan ahli neraka akan masuk ke dalam neraka. Kemudian Allah berkata: "keluarkan daripada neraka sesiapa yang ada di dalam hatinya (walaupun hanya) seberat biji sawi iman. Maka mereka dikeluarkan dalam keadaan telah menjadi hitam legam lalu dicampakkan ke dalam sungai malu atau sungai kehidupan - Malik syak (tidak pasti yang mana satu daripada dua perkataan tadi telah disebutkan oleh `Amar) - Teruslah mereka tumbuh seperti tumbuhnya biji benih selepas banjir. Tidakkah engkau lihat (bagaimana) biji-biji benih itu keluar dalam keadaan kuning dan berolak naik. (Bukhari, Ahmad, Abu `Awaanah, Abu Ya'la dan Baihaqi). مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ Bermaksud: Sesiapa di antara kamu melihat sesuatu kemungkaran, dia hendaklah mengubahnya dengan tangannya. Kalau tidak mampu dengan tangan, hendaklah dengan lidahnya. Kalau dengan lidah pun tidak mampu, maka hendaklah dengan hatinya. Yang demikian itu adalah selemah-lemah iman. (Muslim, Ahmad, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan, `Abd bin Humaid dan Abu Daud at-Thayaalisi). مَنْ أَحَبَّ اللَّهَ وَأَبْغَضَ اللَّهَ وَأَعْطَى اللَّهَ وَمَنَعَ بِهِ فَقَدْ اسْتَكْمَلَ الْإِيمَانَ Bermaksud: Sesiapa yang kasih kerana Allah, benci kerana Allah, memberi kerana Allah dan tidak memberi (juga) kerana Allah, sesungguhnya dia telah menyempurnakan imannya. (Ahmad, Abu Daud, at-Thabaraani, adh-Dhiaa' al-Maqdisi, al-Baihaqi dan al-Baghawi). الْإِيمَانُ بَضْعٌ وَسِتْعُونَ شُعْبَةً فَأَفْضَلُهَا قَوْلُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَدْنَاهَا Bermaksud: Iman ada lebih tujuh puluh bahagian. Yang paling istimewa daripadanya ialah ucapan (kesaksian) لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ dan yang paling kurang daripadanya ialah membersihkan jalan dari segala gangguan. Sifat malu adalah sebahagian daripada iman. (Ahmad, Muslim, Abu Daud, Nasaa'i, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan dan at-Thabaraani di dalam Mu'jam al-Ausathnya). Akhir sekali lihatlah pula atsar-atsar sahabat. Ini adalah sebahagian daripadanya: Saiyyidina `Umar pernah berkata kepada para sahabatnya: هَلُمُّوا نَزِدْ إِيْمَانًا فَيَذْكُرُونَ اللَّهَ تَعَالَى Bermaksud: "Ayuh, biar bertambah iman kita! Lalu mereka berzikir." (al-Khallaal di dalam as-Sunnah, al-Laalkaai di dalam Syarah Ushul i'tiqaad Ahli as-Sunnah, Ibnu Baththah di dalam al-Ibaanah). Ibnu Mas'ud selalu berdoa begini: اللَّهُمَّ زِدْنَا إِيْمَانًا Bermaksud: "Ya Allah! Tambahlah kepada kami iman, yakin dan kefahaman yang

mendalam.” (al-Laalkaai di dalam Syarah Ushul i'tiqaad Ahli as-Sunnah). Jundab bin `Abdillah al-Bajali menceritakan, kata beliau: **كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ فِتْيَانٌ حَزَاوِرَةٌ فَتَعَلَّمْنَا الْإِيمَانَ قَبْلَ أَنْ نَتَعَلَّمَ الْقُرْآنَ ثُمَّ تَعَلَّمْنَا الْقُرْآنَ فَازْدَدْنَا بِهِ إِيْمَانًا** Bermaksud: “Ketika muda belia kami bersama Nabi s.a.w. Kami pelajari iman sebelum mempelajari al-Qur'an. Kemudian kami pelajari al-Qur'an. Dengan itu bertambahlah iman kami.” (Ibnu Majah dan Baihaqi). Abu Hurairah, Ibnu `Abbaas dan Abu ad-Dardaa' selalu berkata: **الْإِيمَانُ يَزِيدُ وَيُنْقُصُ** Bermaksud: “Iman itu bertambah dan berkurang.” (al-Laalkaai di dalam Syarah Ushul i'tiqaad Ahli as-Sunnah). `Umair bin Habib al-Khathmi r.a. berkata: **الْإِيمَانُ يَزِيدُ وَيُنْقُصُ قَلِيلٌ وَمَا زِيَادَتُهُ وَنَقْصَانُهُ قَالَ إِذَا ذَكَرْنَا اللَّهَ فَحَمْدُنَا وَسُبْحَانُهُ فَتِلْكَ زِيَادَتُهُ وَإِذَا غَفَلْنَا فَذَلِكَ نَقْصَانُهُ** Bermaksud: Iman itu bertambah dan berkurang. Beliau ditanya orang: “Bagaimana bertambah dan berkurangnya itu?” Beliau menerangkan: “Apabila kita ingat kepada Allah lalu kita bertahmid dan bertasbih, begitulah ia bertambah. Ia berkurang apabila kita leka.” (Baihaqi di dalam Syu'ab al-Iman, Ibnu Abi Syaibah di dalam al-Iman, Ibnu Baththah di dalam al-Ibaanah). Demikianlah kami paparkan sebahagian daripada dalil-dalil daripada al-Quran dan as-Sunnah yang menunjukkan iman itu bertambah dan berkurang. Selain dalil-dalil daripada al-Quran dan as-Sunnah itu golongan pertama Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah juga berpegang dengan dalil `aql. Kata mereka, kalau hakikat iman tidak berlebih kurang, tentulah setiap orang yang beriman itu sama tarafnya, termasuk iman orang-orang yang melakukan ma'shiat dan bermacam-macam bentuk kejahatan yang lain. Tentulah iman semua orang sama saja dengan iman para nabi dan malaikat. Ini adalah suatu yang sama sekali tidak masuk `aql. **Golongan kedua Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah** menta'wilkan dalil-dalil itu dengan ta'wilan-ta'wilan berikut: (1) Yang bertambah dan berkurang sebenarnya ialah juzu' mukammil iman, bukan juzu' mukawwinnya. Juzu' mukammil iman yang boleh bertambah dan berkurang itu mungkin berupa ucapan. Mungkin juga berupa amalan. (2) Yang bertambah dan berkurang ialah nur iman. Nur iman itu memanglah lahir daripada amal ibadat dan keta'atan kepada Allah. Perhatikanlah firman Allah ini sebagai buktinya:

أَفَمَنْ شَرَحَ اللَّهُ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ فَهُوَ عَلَى نُورٍ مِّن رَّبِّهِ ۖ قَوْلٌ لِّلنَّفْسِئَةِ قُلُوبُهُم مِّن ذِكْرِ اللَّهِ ۖ أُولَٰئِكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ۝

Bermaksud: Maka apakah orang-orang yang dibukakan Allah hatinya untuk (menerima) agama Islam lalu ia mendapat cahaya dari Tuhannya (sama dengan orang yang membatu hatinya)? Maka kecelakaan yang besarlah bagi mereka yang telah membatu hatinya untuk mengingat Allah. mereka itu dalam kesesatan yang nyata. (az-Zumar:22). Maksud dibukakan Allah hatinya ialah Allah memberi taufiq kepadanya untuk melakukan keta'atan lalu terhasillah daripadanya nur (cahaya). (3) Perkataan iman adakalanya diguna dengan erti تصديق (hati membenarkan apa yang semestinya dibenarkan) dan adakalanya ia dipakai dengan erti ketenangan, kemanisan dan sinarnya. Lihatlah dua firman Allah berikut sebagai contohnya:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوا إِيمَانًا مَّعَ إِيمَانِهِمْ ۚ وَلِلَّهِ جُنُودُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ۝

Bermaksud: Dialah yang telah menurunkan ketenangan ke dalam hati orang-orang mu'min supaya iman mereka bertambah di samping iman mereka (yang sedia ada). Kepunyaan Allah jua tentera langit dan bumi; dan adalah Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana. (al-Fath:4).

ثُمَّ أَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ ۖ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ ۚ وَأَنْزَلَ جُنُودًا لَّمْ تَرَوْهَا وَغَدَّبَ الَّذِينَ كَفَرُوا ۚ وَذَٰلِكَ جَزَاءُ الْكَافِرِينَ ۝

Bermaksud: kemudian Allah menurunkan ketenangan kepada RasulNya dan kepada orang-orang yang beriman, Dia menurunkan bala tentera yang kamu tiada melihatnya dan menyiksa orang-orang kafir; demikianlah balasan (diberikan) kepada orang-orang kafir. (at-Taubah:26).

Berdasarkan dua ayat ini pertambahan iman adakalanya dipakai dengan erti pertambahan ketenangan, kemanisan dan kesempurnaan iman. Ia tidak bererti pertambahan tashdiq yang merupakan asas iman itu sendiri. Ini kerana asas iman itu ada pada semua orang mu'min. Tidak kira sama ada ia seorang yang saleh atau fasiq, alim atau jahil. Sebagaimana para nabi dan rasul a.s. berbeza-beza dalam sifat dan keistimewaan tertentu, tetapi mereka tetap sama dan tidak berbeza daripada segi kenabian dan kerasulan itu sendiri. Demikian juga dengan manusia, walaupun mereka berbeza dalam sifat-sifat dan kelebihan-kelebihan tertentu, namun mereka tetap sama dalam kemanusiaan itu sendiri. Hakikat iman juga begitu. Ia tidak bertambah dan berkurang. Apa yang bertambah dan berkurang ialah mukammilaatnya (sifat-sifat yang menyempurnakannya) seperti ketenangan, kemanisan, sinar, cahaya dan lain-lain. Shah Waliyyullah menyatakan kehairanannya terhadap sikap para muhadditsin yang membilang amal bil arkaan sebagai juzu' iman. Kemudian beliau sendiri memberikan jawapan dengan mengemukakan satu contoh yang sangat menarik. Kata beliau: "Perbandingan amal bil arkaan yang diterima muhadditsin sebagai juzu' iman itu ialah seperti tangan, kaki, jari-jemari, hidung, telinga dan sebagainya. Semua ini adalah juzu'-juzu' (komponen-komponen) badan manusia. Manusia akan tetap dikatakan manusia sama ada ia mempunyai juzu'-juzu' atau komponen-komponen badan yang tersebut itu atau tidak. Bezanya ialah dalam keadaan pertama ia merupakan manusia yang sempurna kejadiannya. Dalam keadaan kedua pula ia adalah manusia yang tidak sempurna kejadiannya. Begitulah juga dengan iman. Iman yang disertai amal adalah iman yang sempurna. Semakin banyak amal dilakukan, semakin sempurnalah iman itu. Manakala iman yang tidak disertai amal pula adalah iman yang tidak sempurna." **Sekarang penulis cuba meringkaskan** apa yang dikatakan perbezaan pendekatan dan perbezaan lafzi di antara dua golongan Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah tersebut. Dengan itu akan nyatalah persamaan tanggapan tentang iman yang ada pada keduanya. (1) Golongan pertama mengatakan iman bertambah dengan amalan keta'atan dan berkurang dengan amalan ma'shiat atau perbuatan dosa. Apa yang bertambah? Kata mereka, yang bertambah ialah kesan amalan itu, hasilnya atau kaifiatnya. Golongan kedua tidak menafikannya. Yang mereka nafikan ialah bertambah atau berkurangnya apa yang semestinya diimani dan dipercayai (مؤمنٌ) (به). Dalam soal ini pada hakikatnya golongan pertama tidak berbeza daripada golongan kedua. (2) Golongan pertama mengatakan terdapat tiga juzu' (komponen) di dalam iman. Tetapi juzu' asas dan sebenarnya hanyalah تصديق بالجنان (membenarkan dengan hati). Membuat pengakuan dengan lidah dan mengamalkan apa yang diimani juga merupakan juzu' (komponen) iman, tetapi kedua-duanya adalah komponen tambahan (جزء زائد). Golongan kedua walaupun tidak bersetuju dengan golongan pertama daripada segi iman mempunyai beberapa juzu', ada yang asasi dan ada yang tambahan. Tetapi mereka tetap bersetuju dengan golongan pertama tentang تصديق sebagai hakikat (ماهية) iman. Adapun yang dua lagi itu bukan juzu'nya, ia tidak lebih dari buah atau hasil iman. (3) Golongan kedua percaya bahawa orang yang tidak melakukan apa-apa perintah dan suruhan agama, begitu juga orang yang melanggar perkara-perkara yang diharamkan oleh agama tidak akan terus masuk syurga seperti kepercayaan Murji'ah. Mereka mengatakan orang seperti itu kalau tidak diampunkan oleh Allah akan dihukum dahulu sama ada di alam Barzakh, di Mahsyar atau di dalam neraka. Bagaimanapun akhirnya ia akan dilepaskan dari neraka dan akan masuk syurga. Golongan pertama pula percaya bahawa orang yang meninggalkan amal bil arkaan boleh menyebabkannya dimasukkan ke dalam neraka jika tidak diampuni Allah. Tetapi mereka tidak akan kekal di dalamnya. Bukankah perbezaan seperti ini hanya perbezaan pada lafaz dan `ibarat sahaja? Kesimpulan daripada kedua pendapat itu ialah orang yang meninggalkan amal bil arkaan mungkin masuk neraka. Tetapi kerana ada iman di dalam hatinya, dia akhirnya akan selamat juga dan akan masuk

syurga juga. (4) Iman seseorang akan bertambah apabila ia mengerjakan segala bentuk keta'atan dan kebajikan. Di bawah ini disenaraikan **sebahagian daripada bentuk keta'atan** yang boleh menyebabkan bertambahnya iman seseorang: (a) Menuntut ilmu yang berguna terutamanya yang berpunca daripada al-Qur'an dan as-Sunnah. (b) Membaca al-Qur'an serta mengamati kandungannya dan mengamalkan ajaran-ajarannya. (c) Menghayati kandungan al-Asmaa' al-Husna yang tersebut di dalam al-Qur'an dan as-Sunnah serta menterjemahkannya ke dalam kehidupan. (d) Mempelajari sirah dan hadits-hadits Rasulullah s.a.w. dengan maksud menjadikannya sebagai panduan hidup. (e) Menghayati keindahan Islam dalam peraturan-peraturan dan undang-undang yang ditetapkannya demi kesejahteraan hidup manusia. (f) Merenungi tanda-tanda kebesaran Allah dan makhluk ciptaanNya. (g) Banyak bezikir dan berdoa kepada Allah. (h) Memperbanyakkan amalan-amalan sunat di samping menjaga dengan sebaik-baiknya amalan-amalan yang fardhu. (i) Berperangai dengan perangai orang-orang saleh dan aulia'illah. Mengikut jejak langkah mereka dan bergaul mesra dengan mereka. (j) Menyeru manusia ke jalan Allah, menyuruh mereka melakukan kebaikan dan mencegah mereka daripada melakukan perkara-perkara mungkar. (k) Menegakkan keadilan dan menghapuskan kezaliman. (l) Mengelak diri daripada dosa-dosa besar, nifaq, kefasikan dan segala bentuk ma'shiat. Sebaliknya iman seseorang akan berkurang apabila ia melakukan ma'shiat dan segala bentuk kederhakaan kepada Allah. **Antara perkara yang boleh menyebabkan iman seseorang berkurang ialah:** (a) Kejahilan tentang ajaran agama. (b) Kelekaan, kelalaian dan lupa akan panduan agama. (c) Melakukan ma'shiat dan dosa. (d) Menurut hawa nafsu. (e) Terpesona dengan dunia dan tergoda dengan keindahannya. (f) Mengikut teman-teman yang jahat. (g) Menurut jejak langkah syaitan dan sebagainya. Menurut golongan pertama Ahli as-Sunnah, juzu' ketiga iman iaitu 'amal bil arkaan itulah yang mendorong seseorang melakukan semua perkara yang menyebabkan imannya bertambah. 'Amal bil arkaan itulah juga yang menghalang seseorang daripada melakukan perkara-perkara yang menyebabkan imannya berkurang. Golongan kedua Ahli as-Sunnah pula mengatakan 'amal bil arkaan itu pada hakikatnya adalah buah dan hasil daripada hakikat iman. Kesimpulannya kedua-dua golongan Ahli as-Sunnah menerima 'amal bil arkaan sebagai sesuatu yang tidak dapat dipisahkan daripada iman. 'Amal tanpa iman tidak menjadi. Iman tanpa 'amal pula tidak bererti.

Iman dan Islam. Apakah perkataan iman dan Islam itu membawa maksud yang sama atau ada perbezaan di antara keduanya? Jika dilihat kepada nas-nas al-Qur'an dan as-Sunnah, anda akan dapati penggunaan dua perkataan ini adakalanya sebagai dua perkataan yang sama ertinya (على سبيل الترادف), adakalanya sebagai dua perkataan yang berbeza ertinya (على سبيل التباين) dan adakalanya pula sebagai dua perkataan yang termasuk-masukan ertinya (التداخل). Menurut istilah ilmu Mantiq hubungan di antara dua perkataan atau pengertian dipanggil nisbah. Jadi nisbah di antara dua perkataan iman dan Islam itu berdasarkan al-Qur'an dan as-Sunnah sama ada nisbah taraaduf dan tasaawi, atau nisbah tabaayun dan ikhtilaf atau nisbah tadaakhul dan 'umum khusus mutlaq. Nisbah 'umum khusus min wajhin tidak dapat dibuktikan dengan al-Qur'an dan as-Sunnah. Imam al-Ghazali misalnya hanya menerima tiga bentuk nisbah sahaja untuk perkataan iman dan Islam selain 'umum khusus min wajhin. **Antara bukti dua perkataan itu digunakan dalam bentuk nisbah taraaduf dan tasaawi ialah dua firman Allah ini:**

فَأَخْرَجْنَا مَن كَانَ فِيهَا مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٤﴾ فَمَا وَجَدْنَا فِيهَا غَيْرَ بَيْتٍ مِّنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٢٥﴾

Bermaksud: (setelah sampai utusan Kami ke tempat itu), Kami (perintahkan mereka) mengeluarkan orang-orang yang beriman yang tinggal di situ. (Sesudah diperiksa) Maka

(utusan) Kami tidak mendapati di situ melainkan sebuah rumah sahaja yang ada penghuninya dari kalangan orang-orang Islam (yang beriman kepada Nabi Lut). (az-Zaariyaat:35-36).

وَقَالَ مُوسَىٰ يَنْقُومُ إِن كُنتُمْ ءَامَنُتُمْ بِاللَّهِ فَعَلَيْهِ تَوَكَّلُوا إِن كُنتُمْ مُّسْلِمِينَ ۝٣٦

Bermaksud: dan Nabi Musa berkata (kepada kaumnya): “Wahai kaumku! Kalau sungguh kamu beriman kepada Allah, maka hendaklah kamu berserah diri kepadaNya, jika betul kamu orang-orang Islam (yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah).” (Yunus:84). Di dalam kedua-dua ayat di atas mu'min dan muslim dikatakan kepada orang-orang yang sama. Ia menunjukkan nisbah di antara dua perkataan itu adalah nisbah taraaduf dan tasaawi. **Antara bukti dua perkataan** itu ada digunakan dalam bentuk nisbah tabaayun dan ikhtilaf ialah firman Allah berikut:

قَالَتِ الْأَعْرَابُ ءَامَنَّا ۖ قُلْ لَمْ تُؤْمِنُوا وَلَكِنْ قُولُوا أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ الْإِيمَانُ فِي قُلُوبِكُمْ ۖ وَإِنْ تُطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَا يَلِتْكُمْ مِنْ أَعْمَالِكُمْ شَيْئًا ۚ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ۝١١٠

Bermaksud: Orang-orang “A`raab” berkata: “Kami telah beriman”. Katakanlah (Wahai Muhammad): “Kamu belum beriman, (janganlah berkata demikian), tetapi (sementara iman belum lagi meresap masuk ke dalam hati kamu) berkatalah sahaja: “Kami telah Islam”; dan jika kamu ta`at kepada Allah dan RasulNya (zahir dan batin), Allah tidak akan mengurangkan sedikitpun pahala amalanmu, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (al-Hujuraat:14). Maksud iman di sini ialah membenarkan dengan hati, itu dinafikan. Dan maksud Islam pula ialah pengakuan dengan lidah dan mengamalkan (ajaran Islam) dengan anggota badan, itu tidak dinafikan bahkan dikatakan telah ada pada mereka. **Hadits Jibril yang mengandungi** penjelasan Rasulullah s.a.w. tentang iman bahawa ia adalah kepercayaanmu kepada Allah, para malaikatNya, kitab-kitabNya, para rasulNya, hari kemudian dan kepada taqdir (ketentuan Allah), baik atau buruknya. Islam pula ialah engkau bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitillah jika engkau mampu pergi ke sana, jelas menunjukkan nisbah di antara iman dan Islam adalah nisbah tabaayun dan ikhtilaf. Iman berkait dengan kepercayaan dan Islam berkait dengan amalan berupa ucapan dan perbuatan anggota badan. **Antara bukti dua perkataan** itu ada digunakan dalam bentuk nisbah tadaakhul dan `umum khusus mutlaq ialah sabda Rasulullah s.a.w. apabila ditanya: أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (Apakah amalan yang paling utama?) Beliau s.a.w. menjawab: إِيْمَانٌ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ (Percaya kepada Allah dan RasulNya). (Bukhari, Ahmad, Abu Awaanah, Ibnu Abi Syaibah, Baihaqi dan lain-lain). Pada ketika yang lain pula apabila ditanya: فَأَيُّ الْإِسْلَامِ أَفْضَلُ (Islam manakah yang paling utama?) Beliau s.a.w. menjawab: الْإِيْمَانُ (iman). (Ahmad, at-Thabaraani, `Abd bin Humaid, `Abdur Razzaaq dan lain-lain). Nisbah ini baru akan wujud apabila anda menerima iman bererti menerima dan percaya dengan hati sahaja. Tempat khususnya ialah di hati. Islam pula ialah mempercayai ugama Allah yang dibawa Rasulullah s.a.w. dengan hati, mengakuinya dengan lidah dan mengamalkannya dengan anggota badan. Tempatnya ialah di hati, di lidah dan di anggota badan. Ertinya ialah Islam lebih umum daripada iman sehingga boleh dikatakan bila ada Islam, mesti adalah iman. Tetapi tidak semestinya bila ada iman, akan ada Islam (semua sekali). **Sebetulnya iman dan Islam** itu ada hakikat syar`iyyahnya dan hakikat lughawiyyahnya secara berasingan. Iman bererti percaya dengan hati kepada perkara-perkara tertentu. Islam pula bererti melaksanakan amalan-amalan yang disyariatkan oleh Allah. Bagaimanapun kedua-duanya saling melengkapi satu sama lain. Adanya kepercayaan semata-mata tidaklah akan menjadikan

seseorang mu'min yang sempurna dan sejati tanpa melakukan apa-apa ucapan dan amalan yang direstui Allah. Demikian juga adanya pelaksanaan tuntutan syari'at semata-mata tidaklah akan menjadikan seseorang muslim yang sempurna dan sejati tanpa adanya kepercayaan dan keimanan yang sempurna terhadap 'aqidah di dalam jiwa. **Jika dua perkataan ini** digunakan serentak di sesuatu tempat atau ditanya tentangnya, ketika itu hakikatnya adalah berbeda. Dengan kata lain, nisbah di antara keduanya adalah nisbah tabaayun dan ikhtilaf. Antara contoh penggunaan nisbah ini untuk iman dan Islam ialah hadits Jibril yang akan datang. Jika dua perkataan ini tidak digunakan serentak di sesuatu tempat dan tidak juga ditanya tentangnya, ada kemungkinan juga keduanya digunakan dalam bentuk nisbah tadaakhul atau 'umum khusus mutlaq. (lihat Hafiz Ibnu Hajar- Fathul Baari j.1 hal. 115). Hafiz Ibnu Rajab al-Hambali r.a. berkata: "Ma'na iman dan Islam tidak berbeda jika keduanya disebutkan secara berasingan. Tetapi ia akan berbeda apabila keduanya disebutkan bersama di sesuatu tempat." Kata Hafiz Ibnu Rajab seterusnya: *فالإيمان والإسلام كاسم الفقير والمسكين إذا اجتمعا افترقا وإذا افترقا اجتمعا* Bermaksud: (Perkataan atau pengertian) Iman dan Islam itu seperti (perkataan atau pengertian) faqir dan miskin. Kalau kedua-duanya disebutkan bersama, hakikat keduanya akan berbeda. Dan kalau kedua-duanya tidak disebutkan bersama, maka keduanya boleh bermasuk-masukan." Maksud beliau ialah nisbah tadaakhul boleh berlaku di antara keduanya. (lihat Syabbir Ahmad 'Utsmaani- Fathul Mulhim j. 1 hal. 428-429). **Kenapakah Imam Baghawi r.a.** memulakan kitabnya dengan hadits Jibril? Menurut 'Allamah at-Thibi, Qadhi 'Iyaadh, Mulla 'Ali al-Qaari dan al-Muhaddits asy-Syeikh 'Abdul Haq ad-Dihlivi, sebabnya ialah hadits ini merupakan Ummu as-Sunnah. Kedudukannya di antara hadits-hadits Rasulullah s.a.w. sama seperti kedudukan Ummu al-Kitaab, Surah al-Fatihah di dalam al-Qur'an. Sebagaimana terkandung secara ringkas segala pengajaran al-Qur'an di dalamnya, begitulah juga terkandung di dalam hadits ini segala pengajaran as-Sunnah secara ringkas. Hadits ini selain dinamakan hadits Jibril, dinamakan juga Ummu as-Sunnah atau Ummu al-Ahaadits kerana terkandung di dalamnya segala pengajaran Sunnah Nabi s.a.w. Di dalamnya terkandung secara ringkas asas-asas 'aqidah dan Imaaniyyaat (perkara-perkara yang berkaitan dengan iman) yang membabitkan hati dan merupakan ibadat batin. Di dalamnya juga terkandung secara ringkas asas-asas ajaran Islam yang membabitkan anggota badan yang lahir. Selain itu ia juga mengemukakan konsep ihsaan atau ikhlas dalam setiap amalan lahir dan batin. Iaitu suatu konsep yang menjadikan amalan seseorang manusia bernas dan bererti, lantaran ia merupakan syarat untuk penerimaan amalan manusia oleh Allah. Jika diperhatikan dengan cermat akan tertib yang dibuat Imam Baghawi dan dituruti pengarang Misykaat, niscaya kelihatanlah kedudukan hadits *بسم الله الرحمن الرحيم* yang tersebut sebelum ini sebagai kedudukan *إنما الأعمال بالنيات* di permulaan Surah al-Fatihah. Kerana itulah 'Allamah at-Thibi mengatakan, tujuan Imam Baghawi memulakan kitabnya dengan dua hadits ini (hadits *إنما الأعمال بالنيات* dan hadits Jibril) ialah untuk mengikuti teknik penyusunan al-Qur'an di dalam al-Mushhaf. Hafiz at-Turpasyti (Fadhlullah bin Husain m.600H) berkata: "Soal jawab di antara Rasulullah s.a.w. dan Jibril di dalam hadits ini telah berlaku pada 10H sebelum haji wadaa', ketika mana periode penurunan wahyu hampir berakhir dan hukum-hakam syari'at sudah hampir sempurna. Tujuannya ialah supaya hukum-hakam, peraturan dan panduan hidup yang telah diberikan secara terperinci sebelum itu disimpulkan dalam bentuk khulasah dan rumusan. Khulasah bagi sesuatu adakalanya disebutkan sebelumnya. Adakalanya pula dikemukakan selepasnya." Di dalam Fathul Mulhim pula tersebut bahawa mungkin juga peristiwa ini berlaku selepas haji wadaa'. Kerana tersebut di dalam setengah-setengah riwayat perkataan *في آخر عُمر النبي* (di akhir hayat Nabi s.a.w.).

١- عن عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَيَاضِ الثِّيَابِ شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ لَا يَرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّفَرِ وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَّا أَحَدٌ حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فُحْدَيْهِ وَقَالَ يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا قَالَ صَدَقْتَ قَالَ فَعَجَبْنَا لَهُ يَسْأَلُهُ وَيُصَدِّقُهُ قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ قَالَ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ قَالَ صَدَقْتَ قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ قَالَ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ قَالَ مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَتِهَا قَالَ أَنْ تَلِدَ الْأُمَةُ رَبَّتَهَا وَأَنْ تَرَى الْحُفَاةَ الْعُرَاةَ رِعَاءَ الشَّيْءِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ قَالَ ثُمَّ انْطَلَقَ فَلَبِثْتُ مَلِيًّا ثُمَّ قَالَ لِي يَا عُمَرُ أَتَدْرِي مِنَ السَّائِلِ قُلْتُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ فَإِنَّهُ جِبْرِيلُ أَتَاكُمْ يُعَلِّمُكُمْ دِينَكُمْ - رَوَاهُ مُسْلِمٌ - وَرَوَاهُ أَبُو هُرَيْرَةَ مَعَ اخْتِلَافٍ وَفِيهِ وَإِذَا رَأَيْتَ الْحُفَاةَ الْعُرَاةَ الصُّمَّ الْبُكْمَ مُلُوكَ الْأَرْضِ فِي خَمْسٍ لَا يَعْلَمُهُنَّ إِلَّا اللَّهُ ثُمَّ قَرَأَ إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ الْآيَةَ - مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

1- `Umar bin al-Khaththaab r.a. meriwayatkan, katanya: “Pernah pada suatu hari ketika kami sedang duduk di samping Rasulullah s.a.w., tiba-tiba datang³⁸ seorang

³⁸ Perkataan datang ini boleh juga ditukarkan dengan perkataan muncul sebagai terjemahan kepada perkataan طَلَعَ. Bahkan perkataan muncul mungkin lebih sesuai diguna, memandangkan malaikat adalah makhluk halus yang diciptakan daripada cahaya. `Aisyah meriwayatkan, katanya: خَلَقَتِ الْمَلَائِكَةُ مِنْ نُورٍ وَخُلِقَ الْجَانُّ مِنْ مَارِجٍ مِنْ نَارٍ وَخُلِقَ آدَمُ مِنْ مِمَّا وَصِفَ لَكُمْ Bermaksud: Malaikat dijadikan daripada cahaya. Jin dijadikan daripada lidah api yang menjulang-julang. Adam (pula) dijadikan daripada tanah seperti mana telah diceritakan (oleh Allah) kepada kamu (di dalam al-Qur'an). (Muslim, Ahmad, `Abd bin Humaid, Ibnu Hibbaan, Baihaqi, Ishaq bin Rahawaih dan lain-lain). Selain itu, di dalam bahasa `Arab perkataan طَلَعَ sering diguna untuk menyatakan kemunculan jisim-jisim yang bercahaya seperti طَلَعَتِ الشَّمْسُ, طَلَعَ النَّدْرُ dan sebagainya. Maka penggunaan perkataan طَلَعَ oleh perawi di sini amat tepat sekali. Kedatangan Jibril dalam rupa manusia adalah untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran. Kerana proses pengajaran dan pembelajaran lebih sukar diterima daripada orang yang berlainan jenis. Berdasarkan riwayat Ibnu Mandah di dalam Kitab al-Iman dengan isnadnya yang menepati syarat Muslim, kedatangan Jibril kali ini adalah selepas semua

lelaki dengan berpakaian amat putih dan berambut amat hitam.³⁹ Sedikitpun tidak terlihat padanya kesan-kesan (orang yang sedang dalam) perjalanan dan tiada seorangpun daripada kami yang mengenalinya.⁴⁰ Lalu ia duduk di hadapan Nabi dengan merapatkan kedua lututnya kepada kedua lutut Baginda s.a.w. dan meletakkan kedua telapak tangannya di atas kedua pahanya.⁴¹ Kemudian lelaki itu berkata: “Wahai

hukum-hakam agama selesai diturunkan, sebagai pengesahan dan rumusan kepada ajaran-ajaran agama yang telah disampaikan Baginda s.a.w. secara terpisah-pisah sebelum itu. Ia dirumuskan dalam satu majlis supaya senang dihafal dan dikuasai inti pati ajarannya. Sebab wurud hadits ini ialah seperti tersebut di dalam Sahih Muslim, bahawa setelah Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tanyalah aku.” Mereka (para sahabat) berasa gerun untuk bertanya Baginda s.a.w. Tiba-tiba datanglah seorang lelaki lalu duduk dekat dua lutut Nabi s.a.w. ... Di penghujungnya Nabi s.a.w. bersabda: هَذَا جِبْرِيلُ أَرَادَ أَنْ تَعْلَمُوا إِذْ لَمْ تَسْأَلُوا (Itu Jibril, oleh kerana kamu tidak bertanya, dia hendak kamu tetap mendapat ilmu). Hadits ini dikenali sebagai hadits Jibril kerana orang yang datang bertanya Nabi s.a.w. itu adalah Jibril. Ia juga dikenali sebagai ibu segala hadits (أم الأحاديث) kerana segala ilmu syari'at sama ada yang berkaitan dengan Ushuluddin, fiqh, adab, akhlaq, kemasyarakatan, tashawwuf, hikmat, falsafah dan lain-lain.

³⁹ شَدِيدٌ بَيَاضُ الثِّيَابِ dan شَدِيدٌ سَوَادُ الشَّعْرِ adalah dua jumlah (ayat) atau dua murakkab idhafi, jika perkataan شَدِيدٌ dibaca tanpa tanwin (baris dua) seperti di dalam hadits di atas. Ia boleh juga dibaca dengan tanwin. Dalam keadaan ini pula perkataan بَيَاضٌ dan سَوَادٌ akan menjadi faa'il kepadanya. Hukumnya adalah marfu' dengan dhammah. Taqdir jumlah pertama ialah شَدِيدٌ بَيَاضُ الثِّيَابِ dan taqdir bagi jumlah kedua ialah شَدِيدٌ سَوَادُ شَعْرِهِ. Jumlah atau ayat pertama mengisyaratkan kepada kebersihan tubuh badan dan pakaian orang itu. Jumlah atau ayat kedua pula mengisyaratkan kepada kemudahan, kekuatan dan kesihatannya. Secara simbolik kedua-dua jumlah (ayat) itu mengandungi banyak pengajaran untuk pelajar khususnya. Antara lainnya adalah seperti berikut: (a) Para pelajar hendaklah berada dalam keadaan bersih semasa belajar. (b) Mereka dikehendaki sentiasa menjaga kebersihan tubuh badan dan pakaian supaya cahaya ilmu dapat memancar lalu menyerap masuk ke dalam hatinya dengan mudah. (c) Ketika pergi menghadap guru, seseorang pelajar itu hendaklah bersih pakaian dan hatinya supaya memperolehi perkenan hati guru dan keberkatan ilmunya. (d) Menuntut ilmu seelok-elokeranaya adalah pada ketika masih muda belia. Kerana orang muda yang kosong fikirannya daripada tanggungjawab-tanggungjawab lain sahaja dapat menumpukan sepenuh perhatiannya kepada pelajaran. Orang muda yang sihat, penuh dengan tenaga dan semangat jugalah yang dapat menanggung beban ilmu dan segala kesukaran semasa belajar.

⁴⁰ Saiyyidina `Umar berkata begini sama ada berdasarkan fikiran beliau semata-mata atau setelah beliau bertanya orang-orang lain yang turut serta dalam majlis itu seperti tersebut di dalam satu riwayat sahih yang dikemukakan oleh Ahmad di dalam Musnadnya dan al-Baihaqi di dalam Syu'ab al-Imannya, bahawa `Umar berkata: فَنَظَرَ الْقَوْمُ بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ فَقَالُوا مَا نَعْرِفُ هَذَا وَمَا هَذَا بِصَاحِبِ سَفَرٍ Bermaksud: “Maka sebahagian yang hadir melihat kepada sebahagian yang lain. (Mereka berkata) Kita tidak kenal orang ini dan dia bukan seorang musafir (kerana tidak kelihatan padanya kesan-kesan orang yang sedang dalam perjalanan). Andaian kedua ini lebih baik kerana disokong oleh riwayat Ahmad dan Baihaqi itu.

⁴¹ Terdapat dua pendapat berhubung dengan dhamir pada perkataan فَخَذَّيْهِ. Adakah ia kembali kepada perkataan رَجُلٌ ya'ni orang yang datang menemui Nabi s.a.w. atau ia kembali kepada

Rasulullah s.a.w.? Kalau ia kembali kepada orang berkenaan, maka maksudnya ialah ia meletakkan kedua tangannya di atas kedua pahanya sendiri seperti keadaan duduk seorang pelajar di hadapan gurunya. Inilah pendapat an-Nawawi dan at-Turpasyti. Cara duduk seperti ini menampakkan lebih beradab di hadapan guru. Dan kalau ia kembali kepada Nabi s.a.w., maka maksudnya ialah orang itu meletakkan kedua tangannya di atas kedua paha Nabi s.a.w. Ini pendapat pilihan Imam Baghawi, Ismail at-Taimi dan lain-lain. Tujuan dia berbuat begitu mungkin untuk menyatakan tiga perkara berikut: (a) Menyatakan kesediaannya yang penuh untuk menerima apa-apa ajaran yang akan diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. (b) Menyembunyikan hakikat dirinya sehingga orang-orang yang ada di majlis itu menyangka dia hanya seorang badwi. (c) Menyatakan kasih sayangnya dan kemesraannya dengan Rasulullah s.a.w. Pendapat kedua ini disokong oleh at-Thibi dan diperkuat oleh Hafiz Ibnu Hajar dan Hafiz al-Aini r.a. Alasan mereka ialah adanya riwayat Ibnu Khuzaimah, an-Nasaa'i dan lain-lain yang menunjukkan dengan jelas Jibril telah meletakkan kedua tangannya di atas kedua paha Rasulullah s.a.w. dalam peristiwa itu. Antara sahabat yang dikatakan telah meriwayatkan hadits-hadits yang menyokong pendapat kedua ini ialah Ibnu 'Abbaas, Abu 'Aamir al-Asy'ari, Ibnu 'Umar, Abu Zarr dan Abu Hurairah. Bagi penulis, hadits-hadits ini sebenarnya tidak mahfuz. Ia berkisar di antara dha'if, munkar atau syaz. Kerana itu ia tidak dapat menandingi hadits Bukhari dan Muslim yang sedang kita bicarakan ini. Sebagai contoh, lihatlah saja riwayat an-Nasaa'i di bawah nanti. Ia merupakan riwayat terbaik berhubung dengan perkara ini, namun di dalamnya tetap juga ada beberapa unsur syuzuz. Perhatikan terutamanya, perkataan-perkataan atau rangkai kata-rangkai kata yang bergaris di bawahnya:

أَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ بْنُ قُدَّامَةَ عَنْ جَرِيرٍ عَنْ أَبِي فَرْوَةَ عَنْ أَبِي زُرْعَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ وَأَبِي ذَرٍّ قَالَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجْلِسُ بَيْنَ ظَهْرَانِي أَصْحَابِيهِ فَيَجِيءُ الْغَرِيبُ فَلَا يَدْرِي أَيُّهُمْ هُوَ حَتَّى يَسْأَلَ فَنُتَبِّئُهُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ نَجْعَلَ لَهُ مَجْلِسًا يَعْرِفُهُ الْغَرِيبُ إِذَا آتَاهُ فَنُبَيِّنُ لَهُ دُكَّانًا مِنْ طِينٍ كَانَ يَجْلِسُ عَلَيْهِ وَإِنَّا لَجُلُوسٌ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَجْلِسِهِ إِذْ أَقْبَلَ رَجُلٌ أَحْسَنَ النَّاسِ وَطَيِّبَ النَّاسِ رِيحًا كَأَنَّ ثِيَابَهُ لَمْ يَمَسَّهَا دَنَسٌ حَتَّى سَلَّمَ فِي طَرَفِ الْبَسَاطِ فَقَالَ السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مُحَمَّدُ فَرَدَّ عَلَيْهِ السَّلَامُ قَالَ أَذْنُو يَا مُحَمَّدُ قَالَ أَذْنُو فَمَا زَالَ يَقُولُ أَذْنُو مِرْرًا وَيَقُولُ لَهُ أَذْنُ حَتَّى وَضَعَ يَدَهُ عَلَى رُكْبَتِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَا مُحَمَّدُ أَخْبَرَنِي مَا الْإِسْلَامُ قَالَ الْإِسْلَامُ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا تُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَحُجَّ الْبَيْتَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ قَالَ إِذَا فَعَلْتَ ذَلِكَ فَقَدْ أَسْلَمْتَ قَالَ نَعَمْ قَالَ صَدَقْتَ فَلَمَّا سَمِعْنَا قَوْلَ الرَّجُلِ صَدَقْتَ أَنْكَرْنَاهُ قَالَ يَا مُحَمَّدُ أَخْبَرَنِي مَا الْإِيمَانُ قَالَ الْإِيمَانُ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَتَوْحِيدُ اللَّهِ فَقَدْ أَمِنْتَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَعَمْ قَالَ يَا مُحَمَّدُ أَخْبَرَنِي مَا الْإِحْسَانُ قَالَ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ قَالَ صَدَقْتَ قَالَ يَا مُحَمَّدُ أَخْبَرَنِي مَتَى السَّاعَةُ قَالَ فَتَنَكَّسَ فَلَمْ يُجِبْهُ شَيْئًا ثُمَّ أَعَادَ فَلَمْ يُجِبْهُ شَيْئًا ثُمَّ أَعَادَ فَلَمْ يُجِبْهُ شَيْئًا وَرَفَعَ رَأْسَهُ فَقَالَ مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ وَلَكِنْ لَهَا عَلَامَاتٌ تَعْرِفُ بِهَا إِذَا رَأَيْتَ الرِّعَاءَ الْبُهْمَ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ وَرَأَيْتَ الْحَفَاةَ الْعُرَاءَ مُلُوكَ الْأَرْضِ وَرَأَيْتَ الْمَرْأَةَ تَلِدُ رَبَّهَا خَمْسَ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ إِلَى قَوْلِهِ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ثُمَّ قَالَ لَا وَالَّذِي بَعَثَ مُحَمَّدًا بِالْحَقِّ هُدًى وَبَشِيرًا مَا كُنْتُ بِأَعْلَمَ بِهِ مِنْ رَجُلٍ مِنْكُمْ وَإِنَّهُ لَجَبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ نَزَلَ فِي صُورَةِ بَحِيَّةِ الْكَلْبِيِّ

Bermaksud: Abu Hurairah dan Abu Zarr bercerita, kata mereka berdua: Rasulullah s.a.w. duduk di hadapan para sahabatnya dalam keadaan orang asing yang datang tidak mengetahui siapa dia (Rasulullah s.a.w.) antara mereka kalau tidak ditanya. Maka kami meminta kepada Rasulullah s.a.w. untuk membuatkan satu tempat duduk khusus buat Baginda yang dapat membuatkan orang asing yang datang mengenali Baginda. Lalu kami buatkanlah satu tempat duduk daripada tanah untuk Rasulullah s.a.w. duduk di atasnya. Pernah ketika kami sedang duduk dan Rasulullah s.a.w. pula duduk di tempatnya itu, tiba-tiba datang seorang lelaki yang sangat cantik wajahnya dan sangat wangi pula baunya. Kainnya (sangat bersih) semacam tidak terkena apa-apa kekotoran. Dia memberi salam di hujung hamparan dengan katanya: السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مُحَمَّدُ. Setelah Nabi s.a.w. menjawab salamnya dia berkata: "Boleh saya mendekatimu wahai Muhammad?" Nabi s.a.w. menjawab: "Silakan." Dia terus meminta untuk (lebih) mendekati Baginda s.a.w. beberap kali. Nabi s.a.w. pula terus berkata: "Silakan." Sehingga

Muhammad!⁴² Beritahulah kepadaku tentang (rukun) Islam”.⁴³ Jawab Nabi s.a.w.: “Islam itu ialah engkau bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad

(akhirnya) dia meletakkan tangannya di atas dua lutut Rasulullah s.a.w. (Ketika itu) Berkatalah dia: “Wahai Muhammad! Beritahulah kepadaku apa itu (rukun) Islam”. Jawab Nabi s.a.w.: “Islam itu ialah engkau menyembah Allah di samping tidak menyengutukan apa-apa denganNya. Engkau mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, mengerjakan haji ke Baitillah dan berpuasa di bulan Ramadhan.” Lelaki itu bertanya: “Kalau saya melakukannya, apakah itu bererti saya telah Islam?” Jawab Rasulullah s.a.w.: “Ya.” Kata orang itu: “Benarlah engkau.” (Kata Abu Hurairah dan Abu Zarr) Apabila kami mendengar orang itu berkata: “Benarlah engkau”, kami berasa pelik. Seterusnya dia bertanya: “Beritahulah kepadaku tentang iman.” Jawab Nabi: “Iman itu ialah percaya kepada Allah, para malaikatNya, kitab-kitabNya, para nabiNya dan engkau percaya kepada taqdir.” Orang itu bertanya: “Kalau saya melakukannya, apakah itu bererti saya telah beriman?” Jawab Rasulullah s.a.w.: “Ya.” Kata orang itu: “Benarlah engkau.” Dia bertanya (lagi): “Beritahulah (pula) kepadaku tentang Ihsan. ”Jawab Nabi: “Ihsan itu ialah engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihatnya. Jika engkau tidak dapat melihatNya, maka (ketahuilah) sesungguhnya Dia sentiasa melihatmu”. Kata orang itu: “Benarlah engkau.” Orang itu terus bertanya: “Wahai Muhammad, ceritakanlah kepadaku bila kiamat (akan berlaku)?” Berkata perawi: Nabi s.a.w. menundukkan kepala tanpa memberi apa-apa jawapan kepadanya. Dia mengulangi pertanyaannya. Tetapi Nabi s.a.w. tidak memberi apa-apa jawapan. Diulanginya lagi pertanyaan itu. Nabi s.a.w. pula tetap tidak memberi apa-apa jawapan. Kemudian Rasulullah s.a.w. mengangkat kepala sambil bersabda: “Orang yang ditanya tentangnya tidaklah lebih tahu daripada orang yang bertanya. Tetapi ia dapat diketahui dengan beberapa alamat. Apabila engkau melihat penggembala-penggembala kambing berlomba-lomba mendirikan bangunan-bangunan yang tinggi, orang-orang yang tidak berkasut dan orang-orang yang bertelanjang menjadi raja-raja di bumi dan engkau melihat orang perempuan melahirkan tuannya. (Termasuk salah satu daripada) Lima perkara yang tidak diketahui kecuali oleh Allah. (Firman Allah) “Sesungguhnya Allah, padaNya jua ada pengetahuan tentang hari kiamat.” Hingga kepada firmanNya “Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi amat meliputi pengetahuanNya.” Kemudian Nabi s.a.w. bersabda: “Tidak, demi Tuhan yang mengutuskan Muhammad membawa kebenaran, sebagai pertunjuk dan pembawa berita gembira, aku tidak lebih mengenalinya (Jibril) daripada kamu. Dia sebenarnya adalah Jibril a.s. Dia turun dalam rupa Dihyah.” (Hadits riwayat an-Nasaa’i). Kenapa Rasulullah s.a.w. berkata: “Aku tidak lebih mengenalinya (Jibril) daripada kamu, kalau ia datang dalam rupa Dihyah? Bukankah Dihyah dikenali Rasulullah s.a.w. dan hampir semua sahabat Baginda s.a.w.??

⁴² Sekali pandang penggunaan ‘Wahai Muhammad’ untuk memanggil Rasulullah s.a.w. menampakkan ketidaksopanan pemanggilnya. Selain itu ia juga bercanggah dengan firman Allah ini:

لَا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُمْ بَعْضًا قَدْ يَعْلَمُ اللَّهُ الَّذِينَ يَتَسَلَّلُونَ مِنْكُمْ لِوَاذًا فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ

أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٥٠﴾

Bermaksud: Janganlah kamu jadikan seruan atau panggilan Rasulullah di antara kamu seperti seruan atau panggilan sesama kamu; Sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang menarik diri ke luar (dari majlis Nabi) secara berselindung dan bersembunyi. Oleh itu, hendaklah mereka yang mengingkari perintahNya, beringat serta berjaga-jaga jangan sampai

adalah utusan Allah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitillah, jika engkau mampu pergi ke sana.”⁴⁴

mereka ditimpa bala bencana, atau ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (an-Nuur:63). Tetapi yang memanggil Baginda s.a.w. begitu dalam peristiwa ini bukan sebarang orang. Dia adalah Jibril. Jadi apakah jawapan yang dapat merungkai kemusykilan di atas? Ada tiga jawapannya. (1) Ayat di atas ditujukan kepada manusia. Maka manusialah juga yang terikat dengannya. Ia tiada kena mengena dengan malaikat Jibril yang ditugaskan untuk mengajar manusia agama mereka. (2) Perkataan Muhammad tidak dipakai Jibril dengan ma'na nama Rasulullah s.a.w., tetapi dengan ma'na sifat Baginda. Muhammad sebagai sifat bererti orang yang terpuji dan orang yang layak dipuji segala tindak-tanduknya. (3) Supaya langsung tidak terlintas di fikiran orang-orang yang berada di majlis itu bahawa dia adalah Jibril. Tetapi bagaimana dengan sesetengah riwayat, termasuk riwayat Bukhari dan Muslim sendiri daripada Abu Hurairah r.a. yang menyebutkan Jibril memanggil Baginda s.a.w. dengan katanya: “Wahai Rasulallah!? Jawapannya ialah kedua-dua hadits itu boleh ditathbiqkan (disesuaikan) dengan mengatakan misalnya: (a) Mula-mula Nabi s.a.w. dipanggil Jibril ‘Wahai Muhammad’ supaya tidak disangka orang dia Jibril, lalu disusulinya dengan panggilan ‘Wahai Rasulallah’ pula selepasnya untuk lebih beradab. (b) Boleh jadi juga masing-masing perawi menceritakan apa yang didengarnya. (c) Mungkin juga salah satu daripadanya merupakan riwayat berdasarkan ma'na dan yang satu lagi pula merupakan riwayat berdasarkan lafaz sebenarnya. Apa pun adanya, kebanyakan ‘ulama’ hadits lebih mengutamakan hadits Jibril yang diriwayatkan oleh ‘Umar berbanding riwayat orang-orang lain.

⁴³ Di dalam riwayat ini pertanyaan Jibril tentang Islam didahulukan daripada pertanyaannya tentang iman. Demikianlah tersebut di dalam Sahih Muslim, Kitab al-Jam'i Bain as-Sahihain oleh al-Humaidi, Jaami'u al-Ushul oleh Ibnu al-Atsir, Riyaadhu as-Salihin oleh an-Nawawi, dan Syarhu as-Sunnah oleh al-Baghawi dan lain-lain. Sebabnya ialah Islam bererti kepasrahan lahiriah. Selain itu zahir juga menunjukkan batin. Tetapi berdasarkan riwayat Bukhari daripada Abi Hurairah mula-mula sekali Jibril bertanya Rasulullah s.a.w. tentang iman. Selepas itu baru beliau bertanya tentang Islam. Kewajarannya terletak pada penerimaan segala amalan ta'at yang zahir terhenti atas iman. Tanpa iman atau 'aqidah yang betul segala amalan tidak akan diterima Allah. Bagaimanapun kebanyakan ‘ulama’ mentarjihkan riwayat ‘Umar daripada riwayat Abu Hurairah. Mungkin juga riwayat Abu Hurairah itu berdasarkan ma'na, bukan berdasarkan lafaz hadits yang asal memandangkan kedua-dua Islam dan iman itu memang berkait rapat dan saling diperlukan. Menurut Hafiz Ibnu Hajar, ini termasuk dalam tasharruf (pindaan / perbuatan) perawi ketika menyampaikan hadits. Sebabnya ialah peristiwa kedatangan Jibril itu telah berlaku sekali sahaja, bukan beberapa kali. Beliau mentarjihkan lafaz riwayat ‘Umar di atas daripada riwayat-riwayat yang lain. Tetapi di dalam Kitab Mashaabih as-Sunnah Imam Baghawi mengemukakan hadits ini dengan pertanyaan Jibril tentang iman terlebih dahulu sebelum pertanyaannya tentang Islam. Perbuatan pengarang Misykaat memilih riwayat ‘Umar dengan haditsnya ini, secara halus memberi erti bahawa beliau tidak bersetuju dan membantah pilihan Imam Baghawi di dalam Kitab Mashaabih as-Sunnah itu.

⁴⁴ Lima perkara yang disebutkan sebagai rukun Islam itu sememangnya dapat dikesan dan disaksikan dengan pancaindera lahir. Ucapan dua kalimah syahadah dapat didengari dengan deria pendengaran dan ia pula dituturkan dengan lidah. Demikian juga dengan empat rukun selainnya. Kesemuanya dapat dikesan dengan deria lahir. Kesemuanya merupakan pernyataan kepasrahan total kepada Allah s.w.t. Hikmat di sebalik ketentuan sembahyang, zakat, puasa dan

Lelaki itu berkata: “Benarlah engkau! Kami berasa hairan, kerana dia yang bertanya, tapi dia pula yang membenarkannya.”⁴⁵ Katanya lagi: “Beritahulah kepadaku tentang

haji sebagai rukun Islam selain syahadah ialah untuk menyatakan dua sifat utama Allah iaitu sifat jalaali (keagungan dan kekerasanNya) dan sifat jamaaliNya (kelembutan dan kecantikanNya). Sifat jalaaliNya adalah seperti sifat murka, marah, menghukum, membalas, menyiksa, perkasa, kuat, memiliki segala keagungan, mematikan, menghancurkan, membinasakan dan sebagainya. Sifat jamaaliNya pula ialah seperti mengasihani, menyayangi, menyintai, suci, sejahtera, memelihara, cantik, mengurniakan keamanan, mengampun, mencipta, membentuk rupa, menerima taubat, belas kasihan dan sebagainya. Sifat-sifat itu nyata melalui sekian banyak fenomena alam yang berlaku saban hari. Gempa bumi yang berlaku di mana-mana, kematian, pembunuhan beramai-ramai, penjajahan, pengabdian sesuatu bangsa dan lain-lain adalah antara fenomena sifat jalaali Allah. Sementara rasa simpati, kasih sayang, kecantikan dan keindahan alam yang menawan hati, kebersihan, ma'af mema'afkan, keamanan dan kedamaian serta lain-lain fenomena alam yang menenangkan jiwa dan perasaan adalah hasil tajalli sifat jamaaliNya. Dalam konteks ibadat sembahyang dan zakat yang merupakan rukun Islam kedua dan ketiga, cuba perhatikan betapa terserlah sifat jalaali Allah padanya. Bukankah orang yang bersembahyang itu berdiri tegak sambil memaut tangan ke bahagian bawah perut (mendakap qiam) tanpa bergerak bebas dan menoleh ke kiri atau ke kanan, menggambarkan ia seolah-olahnya seorang pesalah yang sedang menghadapi pemerintah atau ketua yang perkasa dan penuh dengan keagungan? Orang yang menunaikan zakat pula bukannya kelihatan seperti seorang yang sedang membayar denda kepada pihak penguasa yang cukup berwibawa? Rukun Islam keempat dan kelima adalah pernyataan sifat jamaali Allah. Orang yang berpuasa sebenarnya menda'wa cintakan Allah. Dengan berpuasa dia membuktikan kebenaran cintanya. Dia sanggup meninggalkan segala keinginan dan nafsu semata-mata untuk memenuhi tuntutan orang yang dicintainya. Tingkah laku dan gerak-geri orang yang mengerjakan haji benar-benar mencerminkan seorang 'asyiq yang sangat-sangat merindukan ma'syquqnya. Lihatlah keadaan dirinya yang kusut masai, tidak terurus, ke sana ke mari semacam sedang mencari sesuatu. Dikucup dan disentuhnya dinding rumah kekasih. Dikelilingi pula rumahnya berkali-kali. Dan pada akhirnya, sefelah mengorbankan sesuatu yang paling dikasihi, ia berpatah balik ke rumah kekasihnya. Ketara sekali di situ sifat jamaali Allah.

⁴⁵ Banyak perkara sebenarnya yang menyebabkan 'Umar dan para sahabat yang lain berasa hairan. Antaranya ialah: (1) Dia yang bertanya, tapi dia pula yang membenarkannya. Penyoal yang jahil biasanya tidak berkata begitu. Keadaan ini jelas menunjukkan penyoal memang telah mengetahui tentang apa yang disoalnya. Bagaimana dia boleh mengetahuinya? Sedangkan pada ketika itu tidak ada orang lain yang mengajarkannya selain Nabi s.a.w. Inilah yang menghairankan! (2) Pakaianya putih bersih, rambutnya hitam, langsung tidak berdebu. Pendek kata sedikitpun tidak terlihat padanya kesan-kesan orang yang sedang dalam perjalanan. Dia kelihatan seperti orang tempatan saja, tetapi tiada seorangpun daripada kami yang mengenalinya. (3) Cara duduknya di hadapan Nabi dengan merapatkan kedua lututnya kepada kedua lutut Baginda s.a.w. serta meletakkan kedua telapak tangan di atas kedua paha, menampakkan dia amat beradab dengan Rasulullah s.a.w, namun jika dilihat kepada panggilannya “Wahai Muhammad” bukan “Wahai Rasulullah” pula menampakkan kebadwian atau kejakunannya.

oh
19/1/16

iman.” Jawab Nabi: “Iman itu ialah engkau percaya kepada Allah, ⁴⁶ para malaikatNya, ⁴⁷ kitab-kitabNya, ⁴⁸ para rasulNya, ⁴⁹ hari kemudian ⁵⁰ dan engkau

⁴⁶ Sekali pandang jawapan yang diberikan Rasulullah s.a.w. ini tidak menepati soalan yang dikemukakan Jibril dari beberapa sudut. (1) Kerana pertanyaan adalah berkenaan dengan iman (kepercayaan). Jawapan pula adalah berkenaan dengan apa yang dipercayai (مُؤْمَنٌ بِهِ). Kalau pertanyaan itu benar-benar tentang ma'na perkataan iman, maka jawapan sepatutnya ialah التصديق بالقلب (menerima dan membenarkan) atau التصديق باللسان والعمل بالأركان (menerima atau membenarkan dengan hati, mengaku dengan lidah dan melakukan suruhan agama dengan anggota badan) misalnya. Melihat kepada jawapan Rasulullah s.a.w. di dalam hadits di atas, dapat disimpulkan bahawa berdasarkan petunjuk-petunjuk tertentu Nabi s.a.w. telah memahaminya dengan erti apa yang dipercayai (مُؤْمَنٌ بِهِ). Maka wajarlah Baginda s.a.w. membilang satu per satu apa yang perlu diimani dan dipercayai itu. (2) Kemusykilan kedua yang timbul daripada jawapan Rasulullah s.a.w. ialah ta'rif atau mu'arrif (مُعَرَّف) dan apa yang dita'rifkan (مُعَرَّف) adalah perkara yang sama. Sedangkan kedua-duanya mestilah dua perkara yang berbeda. Atau seperti kata at-Thibi, jawapan semacam mengulang semula apa yang ditanya. Sebabnya ialah perkataan أن pada تَوَمَّنُ بِاللَّهِ di dalam jawapan Baginda s.a.w. itu adalah مصدرية. Ia boleh menghancurkan fi'il mudhari' selepasnya, lalu gabungan kedua-duanya bertukar menjadi mashdar. Pada ketika itu jadilah solalan Jibril dan jawapan Nabi s.a.w. itu begini: ... الإيمان الإيمان بالله. Itulah yang dikatakan pengulangan atau keserupaan مُعَرَّف dan مُعَرَّف. Anda dapat merungkai kemusykilan tersebut dengan menganggap perkataan الإيمان di dalam soalan Jibril dipakai dengan erti iman syar'i. Perkataan الإيمان di dalam jawapan Nabi s.a.w. itu pula dipakai dengan erti iman lughawi iaitu ... أن تصدق معترفا بالله. Gabungan iman lughawi dan segala apa yang berkaitan dengannya menjadi mu'arrif atau ta'rif kepada iman syar'i. Pada ketika itu kedua-duanya akan jadi dua perkara yang berbeda dan tiada lagi berlaku pengulangan. Maksud percaya kepada Allah ialah membenarkan dan menerima kewujudanNya. Di samping mempercayai Dia bersifat dengan segala sifat kesempurnaan dan suci daripada segala sifat kekurangan.

⁴⁷ Maksud percaya kepada malaikat ialah mempercayai kewujudan mereka dengan sifat-sifat yang disebutkan oleh Allah di dalam al-Qur'an dan Nabi s.a.w. di dalam hadits-haditsnya yang sahih. Antara sifat mereka yang disebutkan ialah: (1) Mereka adalah hamba-hamba (Allah) yang dimuliakan. (al-Ambiyaa':26). (2) Mereka selalu bertasbih (beribadat) malam dan siang dengan tidak berhenti-henti. (al-Ambiyaa':20). (3) Mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan. (at-Tahrim:6). (4) Boleh menjelma dalam rupa manusia. (Maryam:17). (5) Mereka tidak lelaki atau jantan dan tidak juga perempuan atau betina. (6) Tidak makan dan tidak minum. (7) Hidup dan mati seperti jin dan manusia juga. Cuma umur mereka jauh lebih panjang daripada umur manusia. Disebut malaikat sebelum kitab-kitab dan rasul-rasul tidaklah kerana mereka lebih mulia daripada para rasul. Sebaliknya kerana melihat kepada peranan dan kerja malaikat yang membawa kitab-kitab suci daripada Allah kepada para rasulNya.

⁴⁸ Percaya kepada kitab-kitab ialah percaya tentang adanya kitab-kitab suci yang diturunkan oleh Allah kepada rasul-rasulNya melalui para malaikat. Kitab-kitab itu mengandungi kalam Allah. Semua kandungannya adalah benar dan tidak boleh diragui kerana ia tsabit berdasarkan al-Qur'an dan hadits-hadits yang mutawaatir. Antaranya wajib diketahui dan dipercayai secara terperinci, iaitulah empat buah kitab suci yang disebutkan nama-namanya di dalam al-